KAJIAN MALAYSIA Vol. 44, No.2, 2026, 343–372

PEMILIHAN BAHASA DIASPORA MASYARAKAT BANJAR DI BAGAN SERAI, PERAK

LANGUAGE CHOICE AMONG THE BANJAR DIASPORA COMMUNITY IN BAGAN SERAI, PERAK

Mohd Khaidir Abdul Wahab[1,2*], Chong Shin[2] and Karim Harun[2]

[1]Malay Linguistics Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
[2]Institute of Malay World and Civilization, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

[*]Corresponding author: mohdkhaidir@usm.my

Published online: 30 October 2026

To cite this article: Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin and Karim Harun. 2026. Pemilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, Perak. *Kajian Malaysia* 44(2): 343–372. https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.15

To link to this article: https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.15

ABSTRACT

The Banjar community originating from South Kalimantan is often associated with its tendency to migrate, also known as madam ka banua urang. Despite this, its religious and social traditions are well preserved. In Kerian (particularly Bagan Serai), Masjid Tinggi, Masjid Al-Attar and Masjid At-Taqwa in Taman Serai Maju serve as centres for religious activities such as prayers, Qur'anic studies and religious lectures. They also host social activities within the friendship domain, such as communal iftar gatherings. In addition to its mother tongue, this community communicates in a multilingual ecology that includes the Kedah Malay dialect, standard Malay and other languages. This study examines language choice in this multilingual setting. The study employed a mixed-methods approach: the qualitative component used participatory observation and covert recording, while the quantitative component used questionnaires. Fishman's framework was adopted as it is well suited to multilingual community contexts. A pilot study was conducted to test the reliability and validity of the questionnaires, with the sample size according to Krejcie and Morgan's method. Based on the sample, the findings reveal a hierarchical pattern of language choice in the religious domain: BM + DMK = DMK > BBanjar + DMK > BBanjar = BBanjar + BM = BM. *Standard Malay and the Kedah Malay dialect dominate formal religious settings in mosques, as they are generally understood by the congregation. In the friendship domain, the pattern is* BBanjar + DMK = BBanjar + BM > BBanjar > BM + DMK > DMK. *The Banjar language remains dominant among the older generation, while the second generation (aged 41–55) tends to mix this language with the Kedah Malay dialect and standard Malay.*

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

This study has significant implications for understanding the Banjar community in Bagan Serai, particularly in the religious and friendship domains.

Keywords: Banjar diaspora community, Banjar language, language choice, religious domain, Bagan Serai


ABSTRAK

Masyarakat Banjar yang berasal dari Kalimantan Selatan sering dikaitkan dengan kecenderungan untuk berhijrah yang dikenali sebagai madam ka banua urang. Walaupun begitu, tradisi mereka beragama dan bersosial tetap terpelihara dengan baik. Di daerah Kerian (Bagan Serai, khususnya), Masjid Tinggi, Masjid Al-Attar dan Masjid At-Taqwa di Taman Serai Maju menjadi pusat aktiviti keagamaan seperti solat, pengajian al-Quran dan ceramah agama. Lokasi ini juga menjadi tempat pelaksanaan aktiviti dalam domain persahabatan seperti jamuan berbuka puasa. Selain bahasa ibunda, masyarakat ini berkomunikasi dalam persekitaran yang menuturkan dialek Melayu Kedah (DMK), bahasa Melayu standard (BM) dan bahasa-bahasa lain. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemilihan bahasa dalam situasi multibahasa ini. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif melibatkan pemerhatian berpartisipasi dan rakaman tanpa sedar, manakala kaedah kuantitatif melibatkan soal selidik. Pendekatan Fishman diterapkan sebagai kerangka kajian kerana sesuai dengan konteks masyarakat multibahasa. Kajian rintis dilakukan untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik menggunakan sampel yang ditentukan berdasarkan kaedah Krejcie dan Morgan. Hasil kajian mendapati bahawa pola hierarki pemilihan bahasa dalam domain keagamaan berdasarkan sampel ialah BM + DMK = DMK > BBanjar + DMK > BBanjar = BBanjar + BM = BM. *Bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Kedah lebih banyak digunakan dalam situasi keagamaan di masjid yang bersifat formal dan mudah difahami oleh sebahagian besar jemaah. Dalam domain persahabatan, pola pemilihan bahasa berdasarkan sampel kajian ini ialah* BBanjar + DMK = BBanjar + BM > BBanjar > BM + DMK > DMK. *Bahasa Banjar masih dominan dalam kalangan generasi berusia, manakala generasi kedua (41–55 tahun) cenderung menggunakan campuran bahasa Banjar dengan dialek Melayu Kedah dan bahasa Melayu standard. Kajian ini memberikan implikasi penting terhadap kosa ilmu masyarakat Banjar di Bagan Serai, khususnya dalam domain keagamaan dan persahabatan.*

Kata kunci: masyarakat Banjar diaspora, bahasa Banjar, pemilihan bahasa, domain keagamaan, Bagan Serai

PENDAHULUAN

Pembentukan orang Banjar sebagai suatu komuniti tidak wujud begitu sahaja, tetapi merupakan hasil pertembungan pelbagai kelompok etnik yang mempunyai asal usul yang beragam di Kalimantan Selatan, Kalimantan Tengah dan Kalimantan Timur. Kebanyakan orang Banjar berasal dari lembah Sungai Bahan, Sungai Barito (pusat orang Banjar terletak di bahagian hilir Sungai Barito), Sungai Martapura dan Sungai Tabanio (lihat Rajah 1).



Rajah 1: Peta kawasan tanah asal suku Banjar di Lembah Barito, Kalimantan Selatan.

Sumber: BPDAS, Barito (2016)

Dalam kepelbagaian ini, pembentukan komuniti tersendiri sentiasa menjadi matlamat orang Banjar sehinggalah berlakunya proses pengislaman oleh Kerajaan Demak sebagai titik permulaan berdirinya Kesultanan Banjar (Saifullah dan Susi 2018). Di daerah asalnya, komuniti Banjar terbahagi kepada tiga kelompok berdasarkan lokasi pemukimannya: (1) komuniti orang Banjarmasin yang dikenali sebagai orang Banjar Kuala kerana tinggal di bahagian kuala atau hilir yang berasal daripada kesatuan etnik Ngaju; (2) komuniti Banjar Batang Banyu iaitu Banjar klasik daripada kerajaan Hindu negara Daha dan berasal daripada kesatuan etnik Maanyan; dan (3) Banjar Pahuluan yang berasal daripada kesatuan etnik Bukit dan komuniti ini tinggal berdekatan dengan beberapa subetnik Dayak yang masih menganut agama Kaharingan (Saifullah dan Susi 2018; Johannes 1990).

MIGRASI KOMUNITI BANJAR DIASPORA

Masyarakat Banjar yang berasal dari Kalimantan Selatan sering dikaitkan dengan *madam ka banua urang* iaitu kecenderungan berhijrah ke negara lain demi mencari rezeki dan meningkatkan taraf hidup. Hal ini dikatakan kerana kebanyakan mereka mendiami daerah Delta Barito dan hulu sungai yang merupakan kawasan yang tidak subur kerana, sering mengalami banjir, mempunyai persaingan dengan masyarakat lain (seperti migran Bugis dari Sulawesi) dan memiliki sumber ekonomi yang agak terbatas. Selain itu, mereka berhijrah akibat berlaku peperangan semasa Belanda menguasai Banjarmasin yang pada ketika itu berada bawah pemerintahan Sultan Muda Tamjidullah. (Lindblad 1988; Aiza dan Norazlan 2020).

Dari pertengahan abad ke-19 hingga awal abad ke-20 khususnya pada tahun 1860-an hingga tahun 1930-an, berlaku penghijrahan besar-besaran dalam kalangan orang Banjar dari Kalimantan Selatan ke pelbagai tempat di Nusantara seperti Kuala Tungkal (Jambi), Tembilahan (Inderagiri Hilir), Medan (Sumatera Utara), Malaya (kini Singapura) dan Tanah Melayu (Mohamed Salleh 2017). Penghijrahan ke Tanah Melayu boleh dibahagikan kepada tiga peringkat: (1) antara tahun 1860-an hingga tahun 1890-an; (2) antara tahun 1890-an hingga tahun 1912; dan (3) antara tahun 1913 hingga tahun 1940-an (Mohamed Salleh 2017).

Mereka berhijrah ke Tanah Melayu dengan membawa adat, pegangan dan bahasa mereka, misalnya adat hidup berkelompok dan hubungan yang akrab antara satu sama lain. Adat dan pegangan ini bertujuan untuk memudahkan kehidupan mereka di tempat baharu, selain memenuhi keperluan dan memastikan keselamatan. Adat dan pegangan ini dapat dilihat sehingga kini di Bagan Serai, dan pengekalan ciri-ciri keperibadian ini memudahkan masyarakat Banjar untuk sentiasa bekerjasama melakukan kegiatan bergotong-royong, menanam padi dan mengadakan kenduri (Yusmawati 2021).

Di Bagan Serai, masyarakat Banjar berkomunikasi dalam ekologi multibahasa. Selain memiliki bahasa ibunda, mereka berada dalam persekitaran yang menggunakan dialek Melayu Kedah dan bahasa Melayu standard. Percampuran antara masyarakat Banjar dengan komuniti sekeliling mewujudkan persaingan antara bahasa ibunda dengan bahasa atau dialek lain. Rentetan daripada itu, senario pertembungan bahasa Banjar dengan pelbagai bahasa lain (khususnya bahasa dan dialek Melayu) yang berupaya menyebabkan penutur bahasa ibunda semakin mengecil (Noriah dan Meriam 2005; Riduan, Siti Aisah dan Abd Ganing 2019) terutama jika bahasa lain tersebut ialah bahasa yang dominan.

PERNYATAAN MASALAH

Fenomena pengekalan dan peralihan bahasa menjadi isu penting dalam konteks masyarakat multibahasa di seluruh dunia. Fishman (1991) menyatakan bahawa bahasa minoriti sering diancam kepupusan apabila berhadapan dengan bahasa dominan yang lebih berkuasa dalam bidang ekonomi, pendidikan dan media. Masyarakat diaspora yang sentiasa terpaksa menyesuaikan diri dengan budaya dan bahasa baharu, mendepani cabaran untuk mengekalkan bahasa ibunda. Globalisasi, urbanisasi dan perubahan sosial menyebabkan penggunaan bahasa-bahasa minoriti terpinggir dalam interaksi sosial. Generasi muda daripada masyarakat diaspora cenderung untuk menggunakan bahasa dominan untuk tujuan pendidikan dan sosial yang mengakibatkan terhakisnya penggunaan bahasa ibunda dalam domain kekeluargaan. Kajian Samina et al. (2021) melibatkan anggota keluarga Pakistan yang menetap di Amerika Syarikat selama 27 tahun

dan mendapati bahawa generasi pertama lebih banyak menggunakan bahasa Urdu, manakala generasi kedua cenderung menggunakan bahasa Inggeris tetapi masih bertutur dalam bahasa Urdu ketika bersama keluarga. Generasi kedua percaya bahawa penguasaan bahasa Inggeris penting untuk manfaat sosial dan ekonomi, tetapi mereka juga menghargai bahasa ibunda sebagai penghubung kepada budaya Pakistan. Generasi ketiga pula yang terdiri daripada anak-anak menggunakan bahasa Inggeris secara harian dan berpendapat bahawa identiti tidak akan terhapus sekiranya mereka tidak menggunakan bahasa ibunda kerana kemampuan pelbagai bahasa dihargai pada peringkat global. Oleh itu, generasi kedua dan ketiga mendepani cabaran untuk mengekalkan bahasa ibunda (bahasa Urdu) sambil beradaptasi dengan keperluan menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian. Walaupun generasi kedua menyedari kepentingan bahasa ibunda untuk menghubungkan mereka dengan budaya asal, mereka masih cenderung berbahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan anak-anak demi menjamin kejayaan sosial dan ekonomi di negara baharu. Walaupun terdapat usaha pemeliharaan bahasa ibunda, keperluan beradaptasi dengan persekitaran yang menggunakan bahasa dominan sering mengatasi komitmen terhadap bahasa asal seperti yang dapat dilihat dalam kajian Samina et al. (2021) tentang diaspora masyarakat Pakistan di Amerika Syarikat yang beroperasi dalam ekosistem budaya dan bahasa Barat dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan. Samina et al. (2021) juga mendedahkan kecenderungan generasi muda untuk beralih kepada bahasa Inggeris bagi memenuhi tuntutan sosial dan ekonomi. Namun kajian Samina et al. (2021) terhad kepada konteks pemilihan bahasa di Amerika Syarikat. Dalam konteks Malaysia, terdapat cabaran yang berbeza memandangkan bahasa masyarakat Banjar misalnya tidak hanya berdepan dengan tekanan daripada bahasa global seperti Inggeris, malah berdepan dengan tekanan daripada bahasa serantau seperti bahasa Melayu standard yang berperanan sebagai bahasa rasmi dan dominan, selain dialek Kedah yang digunakan dalam komuniti setempat. Oleh itu, persaingan linguistik pada pelbagai tahap ini muncul sebagai perspektif unik yang perlu diterokai melalui penyelidikan yang lebih mendalam khususnya dari sudut penyesuaian serta pengaruh bahasa dan budaya yang berbeza dalam konteks tempatan.

Kajian Coluzzi (2010) tentang bahasa terancam di Borneo khususnya dalam kalangan masyarakat Iban dan Murut (Lun Bawang) di Temburong, Brunei mendapati bahawa kebanyakan responden lebih mahir berbahasa Melayu Brunei tetapi kurang aktif menggunakan bahasa warisan mereka. Masyarakat Lun Bawang lebih kerap berbahasa Melayu Brunei daripada bahasa Iban bersama-sama keluarga. Penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda lebih cenderung mencampurkan bahasa Melayu Brunei dengan bahasa warisan dalam domain keluarga dan sosial. Walaupun kajian Coluzzi (2010) memberikan analisis yang jelas dan bermakna dari perspektif keterancaman bahasa minoriti di Borneo, aspek yang sama pentingnya perlu dititikberatkan dalam bahasa minoriti di Semenanjung Malaysia, misalnya bahasa dalam masyarakat Banjar

yang mendepani tekanan yang berbeza termasuk pengaruh bahasa Melayu standard dan dialek tempatan dalam domain tertentu seperti domain keagamaan yang tidak difokuskan oleh Coluzzi (2010).

Setakat ini, kajian tentang pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Banjar di Semenanjung Malaysia masih terhad. Kajian sebelum ini seperti Coluzzi (2010), turut meneliti pemilihan bahasa dalam kelompok minoriti seperti ini, namun tidak mengambil kira tekanan daripada bahasa tempatan yang lebih dominan, termasuk bahasa Melayu standard dan dialek tempatan. Demikian juga kajian Samina et al. (2021) yang memfokuskan persaingan pemilihan antara bahasa Inggeris dengan bahasa Pakistan tanpa melihat sudut bahasa tempatan sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam masyarakat Banjar. Selain itu, kajian lepas juga tidak mengambil kira domain keagamaan yang merupakan aspek penting yang berperanan utama dalam pengekalan bahasa dan budaya. Dalam kajian ini, akan dapat diperhatikan bagaimana domain keagamaan ini menunjukkan pengaruh yang kuat terhadap pemilihan bahasa kelompok Banjar di Bagan Serai.

ULASAN KOSA ILMU

Pemilihan bahasa ialah subbidang sosiolinguistik yang kritikal dan mampu mencerminkan kecenderungan berbahasa dalam persekitaran multibahasa serta perkaitannya dengan sosiobudaya masyarakat yang berkenaan. Selain itu, isu pemilihan bahasa juga muncul daripada impak global, misalnya penggunaan bahasa Inggeris yang semakin dominan dan berpengaruh baik dalam konteks rasmi mahupun bukan rasmi. Dari sudut yang lebih sempit pula, pemilihan bahasa turut dapat dilihat dalam kelompok yang kecil, yang sebahagian besarnya ialah kesan daripada pengenalan bahasa kebangsaan dan selanjutnya memberikan impak terhadap bahasa minoriti dan dialek. Untuk melihat dinamik tersebut dengan lebih terperinci, khususnya dalam konteks kajian rintis yang dijalankan ini, kajian lepas dari dalam dan luar negara perlu disoroti dan dibuat tinjauan secara kritis.

Kajian perintis tentang domain dan pemilihan bahasa dipelopori oleh Fishman (1972a) yang membincangkan beberapa aspek utama dalam kajian pemilihan bahasa, iaitu kajian bersifat mikro dan makro, serta konsep domain berdasarkan *who speaks what language to whom and when*. Fishman (1972a) menggunakan domain sebagai kaedah khusus untuk mendapatkan maklumat tentang pemilihan bahasa dalam masyarakat multibahasa. Panduan untuk kajian pemilihan bahasa ini melibatkan pemahaman tentang penutur (*who speaks*), bahasa (*what language*), pendengar (*to whom*), dan masa (*when*) berlakunya percakapan dalam domain tertentu. Walaupun pendekatan Fishman (1972a) yang menekankan penggunaan domain sebagai kerangka analisis utama

memberikan asas yang kukuh untuk kajian pemilihan bahasa, pendekatan ini mungkin tidak sepenuhnya menggambarkan perubahan yang berlaku dalam masyarakat multibahasa seperti komuniti Banjar di Bagan Serai. Konsep domain Fishman (1972a) cenderung menumpukan pada struktur umum tanpa penekanan mendalam terhadap perubahan pada pola pemilihan bahasa antara generasi yang berlainan. Dalam kajian ini, walaupun kerangka Fishman (1972a) diterapkan, tumpuan diberikan kepada cara berlakunya pemilihan bahasa yang berbeza mengikut generasi dan konteks sosial tertentu terutama dalam domain keagamaan dan persahabatan.

Ansah (2016) mengkaji faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam komuniti multibahasa di Larteh, Ghana. Larteh ialah komuniti dwibahasa tidak timbal balik (*non-reciprocal bilingual community*) yang penduduknya berkomunikasi dalam bahasa Leteh dan Akuapem Twi, sementara bahasa Inggeris menjadi bahasa ketiga bagi golongan yang menerima pendidikan formal. Melalui data daripada tinjauan temu bual serta pemerhatian terhadap peserta, Ansah (2016) menganalisis tiga domain utama penggunaan bahasa: pendidikan, tradisi dan agama. Ansah (2016) menunjukkan bahawa pola penggunaan bahasa di Larteh berubah sejak beberapa dekad terakhir akibat dinamik kehidupan masyarakat, dan faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa turut mengalami penyesuaian. Perubahan sosial di Larteh dalam tempoh tiga dekad yang lalu telah mempengaruhi faktor-faktor yang menentukan pilihan bahasa. Domain dengan penggunaan bahasa Inggeris yang semakin meluas menjejaskan penggunaan bahasa Leteh yang mengakibatkan bahasa Lateh terancam oleh kepupusan. Ansah (2016) menerapkan model kebertandaan (*markedness model*) yang diusulkan oleh Myers-Scotton (1993a; 1993b). Model ini menitikberatkan individualiti dan pemilihan bahasa yang bersifat rasional: "*a model driven by the speaker's intentions and implemented by the speaker's ordered choices, that is by rationality*" (Myers-Scotton 1993b). Walaupun model ini memberikan perspektif yang unik terhadap pemilihan bahasa dari aspek individu, model berdasarkan domain seperti yang dicadangkan oleh Fishman (1972a) sebenarnya lebih sesuai untuk kelompok masyarakat yang mempunyai dinamik kebudayaan yang rumit dan pelbagai memandangkan faktor kemasyarakatan (berbanding faktor individu) lebih ketara dalam situasi pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat seperti ini.

Lovrits, Langinier dan Ehrhart (2024) pula mengkaji ideologi bahasa dalam konteks pelbagai bahasa di sebuah institusi Kesatuan Eropah di Luxembourg, sebuah negara kecil yang terletak di tengah Eropah. Melalui wawancara reflektif, Lovrits, Langinier dan Ehrhart (2024) memperkenalkan konsep "perasaan rendah diri bahasa" dan "dorongan bahasa" untuk menunjukkan cara ideologi bahasa berfungsi dalam percakapan harian di tempat kerja. Mereka mendapati bahawa penutur bahasa Perancis perlu menghadapi "logik kehormatan" yang dikaitkan dengan penggunaan bahasa Perancis di Perancis. Dalam konteks keteguhan

(*vitality*) bahasa Perancis, apabila bahasa lain mendominasi, penutur Perancis mungkin terpaksa beralih kepada bahasa yang lebih dominan tersebut. Hal ini seterusnya mengancam keteguhan bahasa Perancis itu sendiri. Oleh itu, pengurusan yang sensitif terhadap bahasa adalah penting untuk mengekalkan keteguhan bahasa Perancis dengan menggalakkan penggunaannya dalam interaksi harian dan mewujudkan persekitaran yang menyokong untuk merangsang kebanggaan budaya serta komunikasi inklusif dalam suasana pelbagai bahasa. Kajian Lovrits, Langinier dan Ehrhart (2024) menumpukan ideologi bahasa dalam konteks pekerjaan, namun tidak membincangkan secara terperinci pemilihan bahasa melalui kepelbagaian domain dalam konteks, misalnya domain keagamaan dan persahabatan, terutama dalam kumpulan multibahasa yang berakar daripada tradisi budaya tertentu. Domain persahabatan misalnya berpotensi memainkan peranan penting dalam suasana kerja kerana terdapat variasi dari sudut hubungan pekerja yang berpunca daripada interaksi sosial dan perbezaan hierarki (Mao 2006).

Fuller (2007) meneliti cara pemilihan bahasa kanak-kanak Mexican-Amerika dalam kelas dwibahasa untuk membentuk identiti sosial mereka. Dalam konteks bilik darjah yang menggabungkan pelajar daripada pelbagai latar belakang, empat orang kanak-kanak yang dijadikan subjek kajian menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol secara bersilih ganti untuk mengungkapkan dan mengidentifikasikan diri mereka. Meskipun mereka secara eksplisit mengidentifikasikan diri sebagai satu kumpulan etnik, pemilihan bahasa mereka memperlihatkan kerumitan identiti yang dipengaruhi oleh norma sosial dan aspek lain seperti jantina, hubungan persahabatan dan peranan dalam kelas. Kajian Fuller (2007) juga menggariskan bahawa pemilihan bahasa dan pertukaran kod bukan sahaja berkaitan dengan kategori identiti yang ada, malah ia juga berfungsi sebagai alat untuk membina identiti yang lebih halus yang menunjukkan bahawa identiti tidak tetap, tetapi dibentuk dan berubah dalam konteks interaksi sosial. Walaupun kajian Fuller (2007) memberikan deskripsi yang cukup jelas tentang pelbagai aspek termasuk jantina, nasionaliti dan identiti etnik, Fuller (2007) mengabaikan aspek keagamaan dan nilai budaya yang mendalam yang mampu memberikan pengaruh besar terhadap pemilihan bahasa.

Selain kajian yang dilakukan dalam persekitaran Barat, terdapat juga beberapa kajian yang meneliti pemilihan bahasa dalam Alam Melayu. Kajian ini kebanyakannya dirangka berdasarkan model domain Fishman (1972a). Antaranya ialah kajian Dhanawaty, Subakti dan Sari (2020) yang menumpukan pada pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti diaspora Muslim di Bali dan hubungannya dengan pembentukan identiti sosial. Dhanawaty, Subakti dan Sari (2020) mengelaskan komuniti tersebut kepada tiga kategori utama iaitu yang mengekalkan bahasa dan budaya asal, yang mengadaptasikan budaya Bali, dan yang menggabungkan elemen kedua-duanya. Dhanawaty, Subakti

dan Sari (2020) menyoroti peranan bahasa dalam membantu penyesuaian identiti sosial serta cabaran dalam integrasi budaya dan pemeliharaan warisan. Walau bagaimanapun, seperti Coluzzi (2010), Fuller (2007), Ansah (2016), Dhanawaty, Subakti dan Sari (2020) kurang menekankan cara pemilihan bahasa mempengaruhi interaksi dalam domain keagamaan dan persahabatan khususnya dalam kalangan individu yang masih berpegang teguh pada tradisi agama dan budaya. Kekurangan ini membatasi pemahaman tentang pengaruh nilai agama terhadap pemilihan bahasa dalam hubungan sosial sehari-hari.

Kajian Husni (2016) pula meneliti kecenderungan masyarakat Banjar di Kotabaru, Pulau Laut Utara yang menggunakan bahasa Banjar dalam domain kekeluargaan dan pentadbiran kerajaan. Kajian kualitatif ini mendapati sikap terhadap bahasa adalah positif dalam domain kekeluargaan dengan penggunaan bahasa Banjar secara konsisten. Sebaliknya dalam domain pentadbiran kerajaan, penggunaan bahasa Banjar kurang konsisten dan berselang-seli dengan bahasa Indonesia. Hal ini mencerminkan sikap bahasa yang lebih fleksibel. Sebagaimana Dhanawaty, Subakti dan Sari (2020), Husni (2016) kurang memfokuskan pemilihan bahasa dalam domain keagamaan dan persahabatan yang mempengaruhi kesinambungan bahasa Banjar terutama dalam interaksi antara pelbagai budaya.

Seterusnya Chong, Hendrikus dan Collins (2018) mengkaji pemilihan bahasa dalam komuniti Penan Muslim melalui kaedah pemerhatian berpartisipasi dan wawancara. Menggunakan kerangka domain Fishman (1972a), Chong, Hendrikus dan Collins (2018) mendapati bahawa domain tertentu mempengaruhi pemilihan bahasa Penan Muslim dalam interaksi sosial. Dalam konteks keagamaan, mereka mengutamakan bahasa Bintulu daripada bahasa Melayu sebagai simbol identiti Islam kerana semasa awal pemelukan Islam, bahasa Melayu belum meluas di lembah Kemena, Bintulu. Oleh itu, mereka menggunakan bahasa Bintulu, satu-satunya bahasa yang dituturkan oleh komuniti Islam di kawasan tersebut untuk melambangkan identiti agama mereka. Namun kajian Chong, Hendrikus dan Collins (2018) hanya menumpukan pada domain keagamaan dalam kalangan komuniti Penan Muslim yang berbeza dari segi sosiobudaya.

Mohammed Azlan (2011) pula meninjau pemilihan bahasa dalam komuniti Melanau di Sarikei menggunakan model Fishman (1972b) dengan merujuk satu bahagian utama pemilihan bahasa iaitu latar. Mohamed Azlan (2011) mendapati bahawa bahasa yang dipilih oleh suku kaum Melanau untuk berinteraksi dengan sesama komuniti Melanau, suku kaum Melayu, Iban dan Cina ialah dialek Melayu Sarawak. Meskipun demikian, bahasa Iban masih penting sebagai *lingua franca* dalam hal interaksi interetnik di Sarikei. Walaupun kajian Mohammed Azlan (2011) ini memberikan perspektif segar tentang konteks interaksi interetnik dan penggunaan *lingua franca* dalam komuniti Melanau di Sarikei, kajian ini mengabaikan pengaruh tradisi budaya, nilai keagamaan dan hubungan persahabatan terhadap pemilihan bahasa.

Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa model Fishman (1972a) cukup sesuai untuk meneliti pemilihan bahasa, baik bahasa utama mahupun dialek tempatan. Dengan mengambil kira kekuatan status bahasa utama dalam sesebuah kelompok, selain tahap kesejagatan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa pengantaraan global, tidak hairanlah bahasa minoriti atau dialek tempatan misalnya bahasa Banjar mengalami keterancaman kepupusan khususnya dialek yang dituturkan di Borneo (lihat juga Norazuna 2021; Dilah et al. 2021; Rafiek dan Zaini (2024). Oleh itu, terdapat keperluan kesarjanaan untuk meneliti dan mendokumenkan dialek-dialek ini. Di samping itu, kajian pemilihan bahasa kelompok Banjar ini juga memberikan dimensi baharu kerana fokusnya pada domain keagamaan dan persahabatan yang kurang mendapat perhatian dalam kajian sebelum ini.

KERANGKA DOMAIN DAN PEMILIHAN BAHASA

Kerangka domain yang digunakan menerapkan rujukan *who speaks what language to whom and when* (Fishman 1972a: 244–265). *Who speaks* merujuk penutur masyarakat Banjar (responden); *what language* merujuk bahasa yang dipilih; *to whom* ialah interlokutor iaitu individu yang menyertai perbualan atau perbincangan; *when* ialah domain pemilihan bahasa iaitu latar perbualan. Fishman (1972a) memperkenalkan lima domain: kekeluargaan, persahabatan, keagamaan, pendidikan dan pekerjaan. Kajian terhadap pemilihan bahasa masyarakat Banjar di Bagan Serai ini menumpukan domain keagamaan dan persahabatan yang diperhatikan di dua buah masjid di mukim ini. Domain ini sering dianggap sebagai subdomain dalam kajian pemilihan bahasa dan setakat ini, kajian ekstensif dan khusus yang membahaskan atau menaratifkan fungsi bahasa dalam domain ini masih terhad.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Bagi menjamin kebolehpercayaan dapatan, teknik triangulasi turut digunakan. Dalam hal ini, beberapa kaedah pengumpulan data diterapkan serentak, misalnya soal selidik yang memberikan data kuantitatif tentang pemilihan bahasa responden dan pemerhatian berpartisipasi yang memudahkan pemahaman konteks sosial di lapangan serta memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang pemilihan bahasa dalam domain keagamaan dan persahabatan dalam kalangan masyarakat yang dikaji.

Kaedah Kualitatif

Pemerhatian berpartisipasi menggunakan rakaman tanpa sedar dilakukan untuk memperoleh data asli tanpa modifikasi; kehadiran alat perakam mungkin menyebabkan penutur mengubah cara sebutan atau gaya pertuturan mereka semasa berkomunikasi (Ajas dan Chong 2022). Bagi memastikan pematuhan terhadap etika penyelidikan, pengkaji memaklumkan kepada responden sebelum sesi rakaman bermula tentang tujuan rakaman, penggunaan data untuk kepentingan ilmiah dan langkah-langkah menjaga kerahsiaan maklumat. Persetujuan daripada responden diperoleh terlebih dahulu sebelum rakaman dilakukan. Dalam hal ini, aktiviti berbuka puasa di Masjid At-Taqwa dan aktiviti keagamaan di Masjid Al-Athar dipilih. Melalui pemerhatian berstruktur, satu kelompok terkawal dapat dibentuk dan data yang dikumpul dapat dibandingkan dengan data kuantitatif yang diperoleh melalui tinjauan soal selidik.

Daripada 45 orang responden, 5 daripada mereka berusia 40-an hingga awal 70-an yang pada ketika pengumpulan data berkomunikasi dalam domain persahabatan dan keagamaan. Jumlah responden ini memadai memandangkan matlamat utama kajian kualitatif adalah untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang fenomena yang diselidiki selain memfokuskan perincian dan nuansa dalam data (Creswell 2013).

Rakaman yang dikumpulkan disaring dan hanya rakaman suara yang jelas akan dianalisis. Data mentah ini ditranskripsi terlebih dahulu dalam abjad Rumi, kemudian sebutannya dilambangkan dengan Abjad Fonetik Antarabangsa. Dalam transkripsi, aksara yang ditandakan dengan huruf tebal ialah data bahasa Banjar, manakala yang digarisi ialah dialek Melayu Kedah; bahasa Melayu standard pula dilambangkan dengan aksara biasa.

Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan transkripsi, rakaman diserahkan kepada pengekod kedua iaitu pensyarah kanan dalam bidang fonetik untuk pengesahan dari sudut teknikal. Menurut Creswell (2013), proses ini bertujuan memastikan perkataan dan makna dalam transkripsi dianalisis dengan teliti dan mengesan apa-apa kesilapan atau tafsiran yang salah.

Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif melibatkan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Mereka menggunakan Masjid Tinggi atau Masjid At-Taqwa sebagai lokasi pelaksanaan aktiviti dalam domain keagamaan dan persahabatan. Dalam kajian ini, nilai *Cronbach's alpha* yang diperoleh ialah 0.85 yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang bersesuaian dan konsisten untuk mengukur pemilihan bahasa masyarakat ini dalam domain keagamaan dan persahabatan. Menurut Nunnally (1978), nilai yang melebihi 0.70 memadai untuk kajian sosial,

manakala DeVellis (2012) pula menganggap nilai antara 0.80 hingga 0.90 adalah sangat baik. Oleh itu, soal selidik kajian ini mampu mengukur pemilihan bahasa dengan cukup tepat, memberikan hasil yang konsisten dan sesuai untuk analisis lanjut dalam konteks sosiolinguistik. Instrumen soal selidik ini juga telah dianalisis kandungannya oleh seorang pakar sosiolinguistik. Langkah ini penting supaya setiap itemnya dapat memberikan ukuran yang tepat tentang pemilihan bahasa. Instrumen ini dinilai berdasarkan dua aspek kesahan iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan dengan menggunakan skala empat mata daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 4 (sangat setuju). Kesahan muka mendapat skala 3 (setuju) menandakan format instrumen diterima, arahan jelas, penggunaan perkataan lazim, fon sesuai, ejaan tepat, tatabahasa baik dan istilah bersesuaian. Bagi kesahan kandungan, penilai turut memberikan skala 3 (setuju) untuk setiap item soal selidik. Secara keseluruhan, instrumen ini dinilai memadai dengan beberapa penambahbaikan kecil yang disyorkan. Tambahan lagi, kajian ini diluluskan oleh Sekretariat Etika Penyelidikan UKM (UKM PPI/111/8/JEP-2024-108). Dalam proses penyaringan etika penyelidikan, borang soal selidik yang dibina turut dinilai sebelum diluluskan. Dengan demikian, proses penyusunan instrumen soal selidik ini dapat dipercayai untuk pengumpulan data yang relevan dan berkualiti.

Kajian rintis ini melibatkan 45 orang responden, dan Jadual 1 menunjukkan demografi responden berkenaan. Bagi memperoleh data yang lebih bersifat in situ, pengkaji telah mengunjungi Bagan Serai beberapa kali. Di samping itu, data turut diperoleh melalui penglibatan secara langsung dalam kegiatan keagamaan masyarakat setempat, termasuk pelaksanaan solat Jumaat serta interaksi bersama ahli kariah. Langkah ini menepati satu daripada senarai semak kesahan data Maxwell (2009) iaitu keperluan pelibatan intensif dan dalam tempoh yang panjang.

Jadual 1: Taburan maklumat demografi responden

Demografi	**Bilangan responden**	**%**
Umur		
G1 21–40 tahun	15	33.3
G2 41–55 tahun	15	33.3
G3 56 ke atas	15	33.3
Jantina		
Lelaki	23	51.0
Perempuan	22	49.0

(*bersambung*)

Jadual 1 (*sambungan*)

Demografi	Bilangan responden	%
Tahap pendidikan		
UPSR/Sekolah rendah	10	22.2
SRP/PMR	10	22.2
SPM	19	42.2
STPM/Diploma	2	4.4
Ijazah Sarjana Muda	3	6.7
Sarjana	1	2.2
Pekerjaan		
Kerajaan	1	2.2
Swasta	13	28.8
Bekerja sendiri	13	28.8
Pesawah/petani	10	22.2
Suri rumah	8	18.0

Dalam kajian rintis ini, penentuan saiz sampel kajian dilakukan berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Populasi sebenar di Bagan Serai ialah 35,770 (Pejabat Penghulu Mukim Bagan Serai 2024). Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel sebenar yang disarankan untuk populasi sebesar ini ialah 380 responden. Walau bagaimanapun, saiz sampel kajian rintis biasanya menggunakan 10% daripada saiz sampel sebenar dan jumlah ini memadai untuk menilai kebolehgunaan instrumen penyelidikan (Cohen, Manion dan Morrison 2007). Pengiraan saiz sampel kajian rintis berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970) adalah seperti yang berikut:

> Populasi kajian (N): 35,770 menghampiri 40,000
> Saiz sampel sebenar (S) berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan: 380
> 10% saiz sampel sebenar: 380 × 0.10 = 38 responden
> Sampel kajian rintis kajian ini = 45 responden

Walau bagaimanapun, seramai 45 orang responden telah dipilih bagi memastikan data yang dikumpulkan bersifat representatif untuk tujuan kajian rintis. Pemilihan saiz sampel ini sejajar dengan pandangan Creswell (2014) yang menyatakan bahawa saiz sampel antara 30 hingga 50 orang adalah memadai bagi kajian eksploratori atau kajian rintis yang bertujuan untuk memperoleh data awal serta memahami trend umum sesuatu fenomena. Selain itu, penglibatan pengkaji secara langsung dalam kegiatan keagamaan dan interaksi dengan kelompok yang dikaji meningkatkan kerelevanan data.

Dalam kajian ini, kaedah pensampelan kuota digunakan dan kaedah ini digunakan oleh ahli sosiolinguistik ketika menetapkan sampel kajian sebelum ke lapangan dengan cara memilih sampel mengikut pembahagian kuota dan berdasarkan kriteria sampel yang ditentukan. Kriteria sampel kajian ini termasuklah jantina, usia, pendidikan dan pekerjaan. Melalui kaedah ini, jumlah responden yang dipilih dapat dipastikan sama rata dan sistematik. Oleh itu, kajian ini menetapkan responden kepada tiga kategori usia: generasi pertama (56 tahun ke atas), generasi kedua (41–55 tahun), dan generasi ketiga (21–40 tahun). Penetapan usia bagi responden mengikut generasi ini dibuat berdasarkan pemerhatian berpartisipasi ketika aktiviti keagamaan dan persahabatan. Dari segi penentuan afiliasi responden, ibu bapa (atau salah seorang daripadanya) responden mestilah berketurunan Banjar. Selain itu, taburan peratusan responden mengikut usia dalam kajian ini adalah sama.

Dari segi reka bentuk instrumen soal selidik, borang yang dirangka mengandungi butiran responden serta bahasa pilihan dalam domain keagamaan dan persahabatan. Responden perlu menjawab lima soalan tentang pemilihan bahasa dalam domain keagamaan dan tujuh soalan dalam domain persahabatan. Berdasarkan tinjauan awal melalui pemerhatian berpartisipasi yang dijalankan, tiga bahasa yang digunakan dalam komunikasi seharian ialah bahasa Banjar, dialek Melayu Kedah dan bahasa Melayu standard.

Jawapan soal selidik ini dikelaskan mengikut domain dan bahasa pilihan yang kemudian dianalisis menggunakan Statistical Package for the Sosial Sciences (SPSS). Analisis Deskriptif Crosstabs digunakan untuk mendapatkan taburan pemilihan bahasa mengikut usia. Peratusan kekerapan setiap bahasa yang digunakan serta jangkaan umum untuk menentukan status bahasa Banjar sama ada kekal digunakan atau beralih kepada bahasa lain dalam domain keagamaan dan persahabatan. Data kuantitatif turut disokong oleh data kualitatif melalui rakaman tanpa sedar yang dijalankan di lapangan.

DAPATAN KAJIAN

Pemerhatian Berpartisipasi dengan Menggunakan Rakaman Tidak Sedar

Domain persahabatan melalui aktiviti komunikasi semasa majlis berbuka puasa di Masjid At Taqwa, Taman Serai Maju

Komunikasi ini berlangsung di tempat makan di pekarangan masjid pada 19 Mac 2024. Dalam komunikasi ini, ahli kariah masjid lelaki merakam video untuk membuat makluman kepada ahli kariah tentang situasi majlis berbuka puasa di masjid tersebut.

Peserta dialog:

i. Penduduk (lelaki, 78 tahun), boleh menuturkan bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah dengan baik.
ii. Penduduk (lelaki, 45 tahun), boleh menuturkan bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah.
iii. Penduduk (lelaki, 55 tahun), menuturkan bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah.

Latar belakang dialog:

Dalam rakaman ini, penutur iaitu ahli kariah merakam situasi sebelum majlis berbuka puasa di masjid tersebut.

i. [salamãleykuym warɑhmɑ̃tullahi wɑbɑrokatuh hari nĩ kita buka pwasa di tamãn sərai mãju mãsjed al at taʔkwa aaa hari nĩ mĩnũ-mĩnũ dija· udan a· qulai ʔikan ɲõʔ ɲõʔ sajoʔ kobes təmbikai mãsaʔ mẽyah]

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, hari ini kita buka puasa di Taman Serai Maju Masjid At-Taqwa aaa hari ni menu-menu dia udang, a gulai ikan nyok nyok, sayur kobis, tembikai masak merah.

i. [hari ni nãmpaʔ gaya mẽmãŋ pənoh ha· okey a· mẽmãŋ pənõh yinĩ. okey ustat·. a· adə ramãai adə ha·. a· nĩ diya ʔadeʔ o· ʔada doʔ tuŋgu ʔae adeʔ a·. a· nĩ ʔadeʔ ʔadeʔ kita bəbuka pwasa sərai mãju]

Hari ni nampak gaya memang penuh ha okey memang penuh hari ni,okey ustaz ada ramai ada ha hari ni dia ada o ada dok tunggu air adik a a hari ni adik-adik kita berbuka puasa serai maju

i. [nĩ hari nĩ kita· mẽnũŋgu·…. buka puwasa dəŋãn ʔam kita]
Hari ini ni kita, menunggu…. buka puasa dengan Am (nama orang) kita.
ii. [ha bə'tui bə'tui]
Ha betui-betui
iii. [kalau dia· ləpas, ləpas tərawehnanti baru ŋãji]
kalau dia… lepas, lepas terawih nanti baru ngaji

Berdasarkan ayat pertama dan kedua, penutur i yang berusia 78 tahun didapati menguasai bahasa Banjar, namun mempunyai kebiasaan menukar bahasa pertuturan kepada dialek Melayu Kedah. Dalam dialog penutur ii yang berusia 45 tahun, penutur ii ini menggunakan dialek Melayu Kedah sahaja. Penutur iii pula yang berusia dalam lingkungan 55 tahun menggunakan bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Banjar masih lagi dituturkan oleh generasi tua. Memandangkan majoriti kariah memilih dialek Melayu Kedah dan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi, generasi tua mula beralih menggunakan dialek Melayu Kedah dan bahasa

Melayu apabila berkomunikasi dengan golongan muda. Dengan kata lain, bahasa Banjar hanya dikuasai oleh golongan tua, manakala orang muda mempunyai penguasaan bahasa Banjar yang terbatas.

Domain keagamaan semasa sesi rakaman solat Jumaat di Masjid Al-Athar di Masjid Tinggi

Sesi rakaman ini bertujuan untuk mengumpulkan data tentang pemilihan bahasa khatib. Data ini dianalisis untuk memahami corak penggunaan bahasa di masjid dan cara bahasa ini membantu dalam menyampaikan mesej keagamaan dengan berkesan kepada jemaah.

Peserta dialog:

i. Khatib khutbah Jumaat (lelaki, 60-an)

Latar belakang dialog:

Dalam rakaman ini, penutur iaitu khatib menyampaikan khutbah kepada jemaah.

i. [ɟəmãʔãh jaŋ dirahmãti allɒh səkaliyan mãrilah kitə tiŋkatkan kəʔimãnãn dan kətaʔkwaʔan kə hadrat allɒhu subhanãhuwa taʕãla dəŋãn mələʔsanãkan səgalə pərentah dan mãɲjauhi səmũwə laraŋãɲɲã mũdah mũdahhan kitə mãndapat kəɟajaʔan di dunĩjə̃ dan ɟuga di ʔaxirat naĩnti mĩmbar ʔakan mãɲãĩmpaikan xutbah bərtaɟoʔ mãmãlihara kəmũlijaʔan mãnhaz]

Jemaah yang dirahmati Allah sekalian, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi semua laranganNya, mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Nanti mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk "Memelihara Kemuliaan Manhaj Ilmu".

i. [firmãn ʔallahu subhanãhuwataʔãla ʔajat duwə ratus ʔənãm puloh səmbilan surotul baqɒrɒh ʔajat jaŋ bərmãʔsod dija ja ʔallah mãmbərikan hækmãh kəbiɟaʔsanãʔan ʔataupon ʔelmũ jaŋ bərgunã kəpada səsijapa jaŋ mãŋhəndakiɲã mãka səsuŋgohɲã jaŋ dibəri hæʔmãh ʔitu dija bənãr bənãr təlah mãndapat kurniɟã kəbaikan jaŋ baɲãʔ dan tidaʔ ʔadə jaŋ dapat mãŋãmbel pəŋãjaran daripadə firmãn alloh subhanãhuwataʔala kətʃuwali oraŋ oraŋ jaŋ bərʔãkal dan tulus]

Firman Allah SWT, ayat 269 surah al-Baqarah yang bermaksud, Dia Ya Allah memberikan hikmah (kebijaksanaan) ataupun ilmu yang berguna kepada sesiapa yang mengehendakiNya, maka sesungguhnya yang diberi hikmah itu dia benar-benar telah mendapat kurnia (kebaikan) yang banyak dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran daripada firman Allah SWT kecuali orang yang berakal dan tulus.

i. [mãnhaɟ ʔelmũ bəmãʔsod kaʔedah ʔilmiɟah jaŋ ɟəlas digareskan ʔuntoʔ mãŋhaselkan pənãlitijan ʔelmũ dalam satu satu bidaŋ sərtə mãmbuʔtikan kəbənãran səsuwatu maʔlumãt]

Manhaj ilmu bermaksud kaedah ilmiah yang jelas digariskan untuk menghasilkan penelitian ilmu dalam satu-satu bidang serta membuktikan kebenaran sesuatu maklumat.

Berdasarkan dapatan dalam domain keagamaan, bahasa pilihan khatib ialah bahasa Melayu standard untuk memastikan khutbah dapat difahami jemaah tanpa mengira latar belakang etnik atau dialek tempatan. Dalam konteks ini, bahasa Melayu standard menjadi medium komunikasi yang paling sesuai supaya khutbah dapat memberikan kesan yang mendalam, selain menghormati kesuciannya.

Bahagian analisis data ini akan dibentangkan mengikut situasi penggunaan dan pilihan bahasa responden yang berbeza seperti berikut.

Dapatan Kajian Tinjauan Soal Selidik

Domain keagamaan di masjid ketika solat fardu

Statistik tentang bahasa pilihan semasa berinteraksi dengan ahli kariah ketika menunaikan solat fardu adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Bilangan responden mengikut bahasa pilihan mengikut kelompok generasi semasa berinteraksi sebelum dan selepas solat fardu di masjid

Bahasa	Generasi pertama (56 ke atas)	Generasi kedua (41–55)	Generasi ketiga (21–40)	Jumlah	%
BBanjar	15	2	–	17	37.8
DMK	–	–	5	5	11.1
BM + DMK	–	–	9	9	20.0
BBanjar + DMK	–	13	1	14	31.1

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; DMK = Dialek Melayu Kedah; BM = Bahasa Melayu

Berdasarkan Jadual 2, 37.8% responden memilih bahasa Banjar untuk berinteraksi bersama jemaah di masjid semasa dan selepas menunaikan solat fardu. Bilangan responden ini melibatkan generasi pertama dan kedua; generasi pertama menggunakan bahasa Banjar sepenuhnya, dan generasi kedua memilihnya kerana warisan keluarga. Sebanyak 31.1% responden, terutama generasi kedua dan ketiga menggunakan campuran bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah kerana sukar berkomunikasi sepenuhnya dalam bahasa Banjar. Sementara itu, 20.0% daripada generasi ketiga memilih campuran bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah dan hanya 11.1% menggunakan dialek Melayu Kedah kerana mereka tidak mewarisi bahasa Banjar.

Berdasarkan dapatan daripada Jadual 2, dapatlah dirumuskan bahawa tatatingkat hierarki bahasa pilihan ketika berinteraksi dengan ahli kariah semasa menunaikan solat fardu di masjid dalam kalangan responden kajian ini ialah:

BBanjar > *BBanjar* + DMK > BM + DMK > DMK

Menghadiri ceramah agama

Jadual 3 ialah taburan pemilihan bahasa responden dalam kajian ini apabila berinteraksi dengan ahli kariah semasa menghadiri ceramah agama di masjid.

Dalam Jadual 3, sebanyak 33.3% responden daripada generasi pertama memilih bahasa Banjar ketika menghadiri ceramah agama di masjid di Bagan Serai, 20.0% responden generasi kedua dan ketiga menggunakan campuran bahasa Melayu dan bahasa Banjar, 17.7% generasi ketiga memilih campuran bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah, 15.5% generasi kedua dan ketiga menggunakan dialek Melayu Kedah dan 13.3% generasi kedua dan ketiga memilih campuran bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah semasa ceramah.

Jadual 3: Bilangan responden berdasarkan bahasa pilihan mengikut kelompok generasi ketika berinteraksi dengan ahli kariah semasa menghadiri ceramah agama di masjid

Bahasa	Generasi pertama (56 ke atas)	Generasi kedua (41–55)	Generasi ketiga (21–40)	Jumlah	%
BBanjar	15	–	–	15	33.3
DMK	–	2	5	7	15.5
BM + DMK	–	–	8	8	17.7
BM + BBanjar	–	8	1	9	20.0
BBanjar + DMK	–	5	1	6	13.3

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; DMK = Dialek Melayu Kedah; BM = Bahasa Melayu

Oleh itu, pemilihan bahasa responden dalam kajian ini apabila berinteraksi dengan ahli kariah semasa menghadiri ceramah agama di masjid adalah seperti berikut.

BBanjar > *BBanjar* + BM > BM + DMK > DMK > *BBanjar* + DMK

Hebahan

Pemerhatian juga dilakukan terhadap pemilihan bahasa dalam penyampaian maklumat tentang masjid kepada masyarakat setempat. Maklumat tersebut tertera dalam bentuk buletin dan risalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Bilangan responden berdasarkan bahasa pilihan mengikut kelompok generasi ketika menyampaikan hebahan seperti buletin atau risalah berkaitan masjid kepada masyarakat setempat

Bahasa	Generasi pertama (56 ke atas)	Generasi kedua (41–55)	Generasi ketiga (21–40)	Jumlah	%
BM	10	15	15	40	89
BBanjar + BM	5	–	–	5	11

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; BM = Bahasa Melayu

Pemilihan bahasa oleh responden ketika menyampaikan maklumat seperti buletin atau risalah tentang masjid kepada masyarakat setempat dapat dilihat dalam Jadual 4. Majoriti responden seramai 40 orang (89%) memilih bahasa Melayu dalam kalangan generasi pertama, kedua dan ketiga. Baki 5 orang (11%) lagi dalam kalangan generasi pertama, memilih campuran bahasa Melayu dan

bahasa Banjar. Dapatan ini menunjukkan bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa utama sebagai medium penyampaian maklumat dalam bentuk buletin atau risalah.

Oleh itu, bahasa pilihan responden ketika menyampaikan maklumat melalui buletin atau risalah kepada masyarakat setempat ialah:

BM > BBanjar + BM

Program keagamaan bersama masyarakat luar

Jadual 5 menunjukkan 51.1% responden generasi pertama dan kedua dalam kajian ini memilih bahasa Melayu dan bahasa Banjar ketika mengadakan program keagamaan bersama masyarakat dari luar Mukim Bagan Serai. Responden menggunakan bahasa Banjar ketika berinteraksi dengan individu berketurunan Banjar dari mukim lain dan beralih kepada bahasa Melayu apabila berinteraksi dengan individu yang bukan berketurunan Banjar. Sebilangan responden generasi kedua dan generasi ketiga menggunakan bahasa campuran iaitu bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah sebanyak 46.7%. Seterusnya, 2.2% responden daripada generasi ketiga lebih selesa menggunakan dialek Melayu Kedah sepenuhnya ketika berinteraksi.

Jadual 5: Bilangan responden berdasarkan bahasa pilihan mengikut kelompok generasi ketika mengadakan program keagamaan bersama dengan masyarakat dari luar mukim Bagan Serai

Bahasa	Generasi pertama (56 ke atas)	Generasi kedua (41–55)	Generasi ketiga (21–40)	Jumlah	%
DMK	–	–	1	1	2.2
BM + DMK	–	7	14	21	46.7
BM + BBanjar	15	8	–	23	51.1

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; DMK = Dialek Melayu Kedah; BM = Bahasa Melayu

Oleh itu, bahasa pilihan responden ketika program keagamaan bersama masyarakat dari luar mukim Bagan Serai ialah:

BBanjar + BM > BM +DMK > DMK

Bahasa pilihan ketika membaca khutbah

Jadual 6 menunjukkan 45 orang (100%) responden memilih bahasa Melayu. Ketiga-tiga generasi beranggapan bahawa bahasa Melayu harus digunakan

dalam konteks rasmi seperti khutbah agar semua lapisan masyarakat dapat memahami penyampaian. Oleh itu, bahasa pilihan ketika khatib membaca khutbah di mukim Bagan Serai ialah bahasa Melayu.

Jadual 6: Bilangan responden berdasarkan bahasa pilihan mengikut kelompok generasi ketika khatib membaca khutbah Jumaat

Bahasa	Generasi pertama (56 ke atas)	Generasi kedua (41–55)	Generasi ketiga (21–40)	Jumlah	%
Bahasa Melayu	15	15	15	45	100

Domain persahabatan di masjid

Pilihan bahasa dalam majlis berbuka puasa

Terdapat dua senario penggunaan dan pilihan bahasa yang diselidiki dalam majlis berbuka puasa iaitu sesama penduduk tempatan dan dengan penduduk luar. Jadual 7 menunjukkan bahasa pilihan responden ketika berada di masjid untuk berbuka puasa bersama penduduk tempatan. Sebanyak 44.4% responden daripada generasi pertama dan kedua memilih bahasa Banjar sebagai bahasa interaksi ketika berbuka puasa.

Jadual 7: Bilangan responden berdasarkan bahasa pilihan mengikut kelompok generasi ketika berada di masjid untuk berbuka puasa bersama-sama penduduk tempatan pada bulan Ramadan

Bahasa	Generasi pertama (56 ke atas)	Generasi kedua (41–55)	Generasi ketiga (21–40)	Jumlah	%
BBanjar	15	5	–	20	44.4
BBanjar + BM	–	4	7	11	24.4
BBanjar + DMK	–	6	8	14	31.1

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; DMK = Dialek Melayu Kedah; BM = Bahasa Melayu

Berdasarkan dapatan ini, generasi pertama menggunakan bahasa Banjar sepenuhnya. Sebagai tanda hormat kepada generasi pertama, generasi kedua dan ketiga akan menggunakan bahasa Banjar ketika berinteraksi dengan mereka sama ada secara sepenuhnya atau berselang-seli dengan bahasa Melayu atau dialek Melayu Kedah. Walau bagaimanapun, penggunaan kosa kata Banjar yang diujarkan sangat terhad. Hal ini dapat ditunjukkan melalui pilihan bahasa campuran iaitu bahasa Melayu dan bahasa Banjar, serta bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah yang melibatkan generasi kedua dan ketiga masing-masing 24.4% dan 31.1%.

Oleh itu, bahasa pilihan responden dalam kajian ini ketika di masjid untuk berbuka puasa bersama-sama penduduk tempatan ialah:

BBanjar > *Bbanjar* + DMK > *Bbanjar* + BM

Dari segi berinteraksi dengan penduduk luar ketika majlis berbuka puasa, Jadual 8 menunjukkan 37.7% responden daripada generasi pertama dan kedua memilih bahasa campuran bahasa Banjar dan bahasa Melayu ketika berinteraksi. Bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah digunakan secara berselang-seli oleh generasi kedua dan ketiga iaitu sebanyak 26.7%. Seterusnya, kebanyakan generasi ketiga dan sebilangan generasi kedua menggunakan bahasa Melayu berselang-seli dengan dialek Melayu Kedah ketika bersama penduduk luar dalam majlis ini iaitu sebanyak 35.6%. Pilihan bahasa responden ketika berada di masjid untuk berbuka puasa bersama penduduk luar ialah:

BBanjar + BM > BM + DMK > *BBanjar* + DMK

Jadual 8: Bilangan responden berdasarkan pilihan mengikut kelompok generasi ketika berada di masjid untuk berbuka puasa bersama penduduk luar pada bulan Ramadan

Bahasa	**Generasi pertama (56 ke atas)**	**Generasi kedua (41–55)**	**Generasi ketiga (21–40)**	**Jumlah**	**%**
BBanjar + BM	15	2	–	17	37.7
BBanjar + DMK	–	10	2	12	26.7
BM + DMK	–	3	13	16	35.6

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; DMK = Dialek Melayu Kedah; BM = Bahasa Melayu

Bahasa pilihan dalam perarakan Maulidur Rasul

Jadual 9 menunjukkan pilihan bahasa semasa perarakan Maulidur Rasul di masjid. Generasi pertama memilih bahasa Banjar iaitu 22.2%, sementara campuran bahasa Banjar dan bahasa Melayu digunakan oleh 15.6% generasi pertama dan kedua. Bahasa campuran bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah digunakan oleh 22.2% generasi kedua dan ketiga. Selain itu, 28.8% generasi kedua dan ketiga memilih campuran bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah dan 11.1% generasi kedua dan ketiga menggunakan dialek Melayu Kedah.

Jadual 9: Bilangan responden berdasarkan bahasa pilihan mengikut kelompok generasi ketika perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul di masjid

Bahasa	**Generasi pertama (56 ke atas)**	**Generasi kedua (41–55)**	**Genera-si ketiga (21–40)**	**Jumlah**	**%**
BBanjar	10	–	–	10	22.2
BBanjar + BM	5	2	–	7	15.6
Banjar + DMK	–	8	2	10	22.2
BM + DMK	–	3	10	13	28.8
DMK	–	2	3	5	11.1

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; DMK = Dialek Melayu Kedah; BM = Bahasa Melayu

Oleh itu, bahasa pilihan responden ketika perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul di masjid ialah:

$$BM + DM\ K > BBanjar = BBanjar + DMK > BBanjar + BM > DMK$$

Majlis korban

Jadual 10 menunjukkan bahasa pilihan semasa majlis korban di masjid. Sebanyak 44.4% responden daripada generasi pertama dan kedua memilih bahasa Banjar kerana mereka mengenali dan akrab dengan individu yang terlibat. Sebanyak 24.4% generasi kedua dan ketiga pula menggunakan campuran bahasa Banjar dan bahasa Melayu, manakala 31.1% memilih campuran bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah.

Jadual 10: Bilangan responden berdasarkan bahasa pilihan mengikut kelompok generasi ketika mengadakan majlis korban lembu di masjid bersama penduduk kampung

Bahasa	**Generasi pertama (56 ke atas)**	**Generasi kedua (41–55)**	**Generasi ketiga (21–40)**	**Jumlah**	**%**
BBanjar	15	5	–	20	44.4
BBanjar + BM	–	4	7	11	24.4
BBanjar + DMK	–	6	8	14	31.1

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; DMK = Dialek Melayu Kedah; BM = Bahasa Melayu

Oleh itu, bahasa pilihan responden ketika majlis korban bersama-sama penduduk kampung ialah:

$$BBanjar > BBanjar + DMK > BBanjar + BM$$

Majlis sambutan hari raya

Ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri di masjid, masyarakat Banjar di Bagan Serai meraikannya bersama penduduk tempatan dan menerima kunjungan penduduk dari luar kawasan. Jadual 11 menunjukkan bahasa pilihan responden semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama penduduk tempatan. Sebanyak 44.4% responden daripada generasi pertama dan kedua memilih bahasa Banjar sebagai bahasa interaksi antara mereka dan juga dengan generasi ketiga. Campuran bahasa Banjar dan bahasa Melayu turut digunakan oleh generasi kedua dan ketiga (24.4%). Generasi ketiga (2.2%) memilih dialek Melayu Kedah sepenuhnya semasa majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama penduduk tempatan.

Jadual 11: Bilangan responden berdasarkan bahasa pilihan mengikut kelompok generasi ketika majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri di masjid dengan penduduk tempatan

Bahasa	**Generasi pertama (56 ke atas)**	**Generasi kedua (41–55)**	**Generasi ketiga (21–40)**	**Jumlah**	**%**
BBanjar	15	5	–	20	44.4
BBanjar + BM	–	4	7	11	24.4
BBanjar + DMK	–	6	7	13	28.8
DMK	–	–	1	1	2.2

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; DMK = Dialek Melayu Kedah; BM = Bahasa Melayu

Oleh itu, bahasa pilihan responden dalam kajian ini ketika mengadakan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri di masjid dengan penduduk tempatan ialah:

$$BBanjar > BBanjar + DMK > BBanjar + BM > DMK$$

Jadual 12 pula menunjukkan bahasa pilihan ketika majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan penduduk luar mukim Bagan Serai. Pilihan campuran bahasa Banjar dan bahasa Melayu digunakan oleh generasi pertama dan generasi kedua (46.6%). Seterusnya responden daripada generasi kedua dan ketiga (17.7%) memilih bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah. Responden generasi kedua dan ketiga (35.6%) juga memilih bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah untuk berkomunikasi dengan penduduk luar ketika Hari Raya Aidilfitri di masjid.

Jadual 12: Bilangan responden berdasarkan bahasa pilihan mengikut kelompok generasi ketika majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri di masjid dengan penduduk luar

Bahasa	Generasi pertama (56 ke atas)	Generasi kedua (41–55)	Generasi ketiga (21–40)	Jumlah	%
BBanjar + BM	15	6	–	21	46.6
BBanjar + DMK	–	6	2	8	17.7
BM + DMK	–	3	13	16	35.6

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; DMK = Dialek Melayu Kedah; BM = Bahasa Melayu

Oleh itu, bahasa pilihan responden ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri di masjid dengan penduduk luar ialah:

BBanjar + *BM* > *BM* + *DMK* > *BBanjar* + *DMK*

Gotong-royong di masjid

Gotong-royong merupakan antara aktiviti paling ketara yang menyajikan platform untuk peserta berinteraksi. Jadual 13 menunjukkan pemilihan bahasa responden ketika bergotong-royong di masjid. Sebanyak 44.4% responden yang terdiri daripada generasi pertama dan kedua memilih bahasa Banjar. Bahasa Banjar dan bahasa Melayu digunakan berselang-seli dalam kalangan generasi kedua dan ketiga (11.1%). Seterusnya, generasi kedua dan ketiga (13.3%) juga memilih bahasa campuran, iaitu bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah. Bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah juga digunakan berselang-seli dalam kalangan generasi kedua dan ketiga (17.7%). Akhir sekali, dialek Melayu Kedah dipilih sebagai bahasa pilihan dalam kalangan generasi kedua dan ketiga (13.3%).

Jadual 13: Bilangan responden berdasarkan bahasa pilihan mengikut kelompok generasi ketika bergotong-royong di masjid

Bahasa	Generasi pertama (56 ke atas)	Generasi kedua (41–55)	Generasi ketiga (21–40)	Jumlah	%
BBanjar	15	5	–	20	44.4
BBanjar + BM	–	4	1	5	11.1
BBanjar + DMK	–	3	3	6	13.3
BM + DMK	–	2	6	8	17.7
DMK	–	1	5	6	13.3

Nota: BBanjar = Bahasa Banjar; DMK = Dialek Melayu Kedah; BM = Bahasa Melayu

Oleh itu, bahasa pilihan responden ketika bergotong-royong di masjid ialah:

BBanjar > BM + DMK > *BBanjar* + DMK = DMK > *BBanjar* + BM

PERBINCANGAN

Pola hieraki pemilihan bahasa responden secara keseluruhan dalam domain keagamaan ialah BM + DMK = DMK > BBanjar + DMK > BBanjar = Bbanjar + BM = BM. Bahasa campuran bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah banyak digunakan dalam situasi keagamaan di dalam masjid yang bersifat formal yang dapat difahami oleh majoriti jemaah, namun bahasa Banjar masih digunakan berselang-seli dengan dialek Melayu Kedah dalam situasi tidak formal seperti ketika bertegur sapa sebelum atau selepas solat fardu. Hal ini bermakna bahasa campuran bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah banyak digunakan terutama dalam situasi keagamaan yang bersifat formal. Situasi ini sejajar dengan pandangan Fishman (1972b) iaitu penutur memilih bahasa sebagai keperluan mereka supaya dapat berinteraksi dalam konteks tertentu. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah lebih difahami oleh majoriti jemaah selain memudahkan penyampaian mesej keagamaan. Walaupun begitu, bahasa Banjar masih digunakan secara berselang-seli dengan dialek Melayu Kedah dalam situasi tidak formal. Hal ini selari dengan pandangan David (2017) iaitu bahasa ibunda sering digunakan dalam situasi tidak formal sebagai tanda identiti etnik dan solidariti kelompok.

Dalam domain persahabatan pula, pola hieraki secara keseluruhan pilihan bahasa responden dalam kajian ini ialah BBanjar + DMK = Bbanjar + BM > Bbanjar > BM + DMK > DMK. Dalam domain persahabatan, bahasa Banjar masih digunakan dalam kalangan generasi pertama (berusia 56 tahun ke atas). Generasi kedua (41–55 tahun) memilih bahasa Banjar yang bercampur dengan dialek Melayu Kedah dan bahasa Melayu dalam komunikasi mereka. Dapat dilihat bahawa pemilihan bahasa Banjar dalam domain persahabatan mencerminkan dinamik kompleks antara pengekalan identiti etnik, adaptasi terhadap perubahan sosial dan keperluan komunikatif dalam komuniti diaspora Banjar.

Data kuantitatif dan pemerhatian berpartisipasi responden mendapati generasi kedua dan ketiga memilih bahasa campuran bahasa Banjar dan dialek Melayu Kedah serta bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah bergantung pada lokasi dan individu dalam interaksi. Hal ini demikian kerana segelintir generasi kedua menyatakan bahasa Banjar hanya diturunkan oleh generasi pertama kepada mereka (generasi kedua) dan mereka (generasi kedua) sudah tidak menitikberatkan penurunan bahasa Banjar kepada generasi ketiga. Anak-anak mereka juga tidak berminat mempelajari bahasa Banjar. Di samping itu, generasi ketiga lebih selesa menggunakan bahasa campuran bahasa Banjar

dan dialek Melayu Kedah serta bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah atau dialek Melayu Kedah sahaja kerana penguasaan kosa kata Banjar yang terhad. Segelintir responden generasi ketiga masih memahami bahasa Banjar, tetapi tidak mampu berinteraksi menggunakan bahasa tersebut. Mereka menggunakan kosa kata Banjar hanya sebagai tanda menghormati generasi pertama, selain mewujudkan suasana interaksi yang lebih harmoni bersama generasi pertama dan kedua di masjid.

Kes ini menunjukkan bahawa terdapat jurang generasi yang jelas antara umur dengan kadar kompetensi terhadap bahasa Banjar. Dengan kata lain, bahasa Banjar hanya dikuasai oleh golongan tua, manakala orang muda mempunyai pemahaman yang terbatas. Dapatan ini selari dengan kajian Ajas dan Chong (2022) iaitu terdapat jurang generasi yang jelas antara umur dengan kadar kompetensi penguasaan bahasa Sepa yang tinggi oleh golongan tua, manakala orang muda mempunyai pemahaman yang terbatas.

Dapatan kajian ini perlu dikaitkan dengan kajian lepas lain yang menunjukkan bahawa faktor sosial dan perubahan demografi mempengaruhi pemilihan bahasa. Akrofi (2016) menunjukkan bahawa dalam komuniti multibahasa, perubahan sosial mengakibatkan perubahan dalam pemilihan bahasa. Dalam hal ini, bahasa dominan sering mengancam bahasa ibunda. Sementara itu, Lovrits, Langinier dan Ehrhart (2024) menekankan kepentingan pengurusan bahasa untuk mengekalkan vitaliti bahasa tertentu dalam situasi yang didominasi oleh bahasa lain. Kajian Dhanawaty, Subakti dan Sari (2020) yang membincangkan komuniti diaspora di Bali juga menunjukkan bahawa pilihan bahasa berkait rapat dengan identiti sosial dan proses integrasi budaya. Komuniti yang mengekalkan bahasa dan budaya asal mereka berdepan cabaran apabila berinteraksi dengan budaya tempatan. Hal ini sejajar dengan situasi yang dihadapi oleh masyarakat Banjar diaspora; bahasa Banjar mungkin terancam jika tidak diturunkan kepada generasi seterusnya. Dengan merujuk kajian lepas yang lain seperti Sa'adiah (2014) dan Dilah et al. (2021), dapat diamati satu gejala umum iaitu golongan yang berstatus minoriti kini berdepan dengan peralihan bahasa yang rencam. Pebagai faktor menyebabkan fenomena ini. Faktor yang paling umum ialah dominasi oleh bahasa dominan, modenisasi dan sikap penutur terhadap nilai bahasa ibunda. Kajian yang terbatas kepada domain keagamaan dan persahabatan telah mengenal pasti gejala peralihan bahasa berlaku dengan agak rencam dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora. Jika skop kajian diperluas pada masa akan datang, misalnya merangkumi domain pekerjaan, kekeluargaan, perniagaan, bahkan domain media sosial yang terbaharu, senario fenomena keterancaman bahasa Banjar di Bagan Serai mungkin akan lebih menyerlah.

Keseluruhannya, pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai dipengaruhi oleh faktor sosial, situasi komunikasi dan perubahan generasi. Walaupun bahasa Banjar masih digunakan, terdapat ancaman terhadap

kelangsungannya dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, langkah pemeliharaan dan galakan dalam pelbagai domain terutama dalam konteks keagamaan dan persahabatan penting agar bahasa ini tidak hilang ditelan perubahan zaman. Inisiatif seperti program pengajaran bahasa untuk generasi muda dalam kelompok masyarakat ini boleh dilakukan supaya mereka dapat memahami dan berinteraksi dalam bahasa ibunda mereka dan selanjutnya mengekalkan warisan budaya dan identiti etnik.

KESIMPULAN

Pola keterancaman bahasa ibunda masyarakat Banjar di Bagan Serai tidak banyak berbeza daripada komuniti minoriti lain. Dari segi hubungan antara jurang generasi dengan pemilihan bahasa, satu pola konsisten dan umum ialah bahasa ibunda masih dipertahankan dalam kalangan generasi tua. Hal ini menunjukkan gejala peralihan dalam kalangan generasi umur pertengahan dan terdapat kemerosotan dari segi penguasaan bahasa dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa generasi pertama masih mempertahankan bahasa Banjar dengan sebaik-baiknya di Mukim Bagan Serai. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang menggunakan bahasa Banjar perlu dianjurkan oleh generasi pertama dan kedua bagi memastikan bahasa tersebut dapat diwariskan kepada generasi ketiga.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan. Namun penulis utama ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak Universiti Sains Malaysia atas galakan untuk menyambung pengajian PhD kedua dalam bidang sosiolinguistik. Penulis juga mengucapkan penghargaan kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dan para informan di Mukim Bagan Serai, Perak.

RUJUKAN

Aiza Maslan @ Baharuddin and Norazlan Hadi Yaacob. 2020. Komuniti Banjar di tanah rantau: Ibadah haji sebagai dorongan tradisi masyarakat Banjar 'Madam Ka Banua Urang'. *Jurnal Perspektif* 12(1): 39–52.

Ajas, T. and S. Chong. 2022. Pemilihan bahasa di Kampung Sepa, Maluku Tengah, Indonesia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 6(1): 73–85.

Akrofi, A.M. 2016. Language choice in multilingual communities: The case of Larteh, Ghana. *Legon Journal of the Humanities* 25(1): 37–57. https://doi.org/10.4314/ljh.v25i1.3

BPDAS, Barito. 2016. Merajut kebersamaan dalam forum DAS Kalimantan Selatan guna menghijaukan DAS. https://bpdasbarito.or.id/merajut-kebersamaan-dalam-forum-das-kalimantan-selatan-guna-menghijaukan-das/ (accessed 20 December 2024).

Chong, S., M. Hendrikus and J.T. Collins. 2018. Pemilihan bahasa komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 18(4): 61–80.

Cohen, L., L. Manion and K. Morrison. 2007. *Research methods in education*. 6th ed. Oxon: Routledge.

Coluzzi, P. 2010. Endangered languages in Borneo: A survey among the Iban and Murut (Lun Bawang) in Temburong, Brunei. *Oceanic Linguistics*, 49(1): 1–30. https://doi.org/10.1353/ol.0.0063

Creswell, J.W. 2013. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.

_____. 2014. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.

David, M.K. 2017. Sindhi in Malaysia-Language maintenance or language shift? *Journal of Modern Languages* 12(1): 135–146.

DeVellis, R.F. 2012. *Scale development: Theory and applications*. 3rd ed. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.

Dhanawaty, W., S. Subakti, S. and R.A. Sari. 2020. Language choice and attitudes in the diaspora community in Bali: Implications for identity formation. *International Journal of Language and Linguistics* 7(3): 91–100. https://doi.org/10.11648/j.ijll.20200703.12

Dilah Tuah, S. Chong, R. Gedat and Mohammed Azlan Mis. 2021. Pilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu penelitian awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 21(2): 177–194. https://doi.org/10.17576/gema-2021-2102-09

Fishman, J.A. 1972a. *The sociology of language*. Rowley, Mass: New Bury House.

_____. 1972b. The relation between micro and macro sociolinguistics inthe story of who speaks what language to whom and when. In *Sociolinguistics*, eds. J.B. Pride and J. Holmes

_____. 1991. *Reversing language shift: Theoretical and empirical foundations of assistance to threatened languages*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.

Fuller, J. 2007. Language choice and identity formation among Mexican-American children in bilingual classrooms. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism* 10(3): 276–300. https://doi.org/10.2167/beb466.0

Husni, M. 2016. Sikap bahasa masyarakat Banjar dalam ranah keluarga dan pemerintah Kabupaten Kotabaru Kecamatan Pulau Laut Utara. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Cendekia* 4(7): 1–20.

Johannes, J.R. 1990. *Hikayat Banjar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krejcie, R.V. and D.W. Morgan. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607–610. https://doi.org/10.1177/001316447003000308

Lindblad, J.T. 1988. *Between Dayak and Dutch: The economic history of Southeast Kalimantan 1880–1942*. The Netherlands: Foris Publications Holland.

Lovrits, V., H. Langinier and S. Ehrhart. 2024. French and language ideologies in a multilingual European Union institution: Re-constructing the meaning of language choice at work. *International Journal of Cross Cultural Management* 24(1): 45–62. https://doi.org/10.1177/14705958241237951

Mao, H.-Y. 2006. The relationship between organizational level and workplace friendship. *The International Journal of Human Resource Management* 17(10): 1819–1833. https://doi.org/10.1080/09585190600965316

Maxwell, J.A. 2009. Designing a qualitative study. In *SAGE Handbook of Applied Social Research Methods*, eds. L. Bickman and D.J. Rog, 214–253. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications. https://doi.org/10.4135/9781483348858.n7

Mohammed Azlan Mis. 2011. Analisis pilihan bahasa sebagai lingua franca di negeri Sarawak. PhD diss., Universiti Malaya.

Mohamed Salleh, L. 2017. *Hujan emas di negeri orang perantau Banjar dari Pajukungan, Kalimantan Selatan.* Selangor: MZ Edu Publications.

Myers-Scotton, C. 1993a. *Duelling languages: Grammatical structure in codeswitching*. Oxford: Clarendon Press.

_____. 1993b. *Social motivations for codeswitching: Evidence from Africa*. Oxford: Clarendon Press.

Norazuna Norahim. 2021. Pendokumentasian bahasa terancam di Sarawak: Pengalaman dari komuniti Miriek. In *International K@Borneo Virtual Conference Proceedings 2021*, 104–111. Sarawak: Pustaka Negeri Sarawak.

Noriah, M. and A.K. Meriam. 2005. Penggunaan bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu analisis domain. *Jurnal Bahasa* 5(1): 1–50.

Nunnally, J.C. 1978. *Psychometric theory*. 2nd ed. New York: McGraw-Hill.

Pejabat Penghulu Mukim Bagan Serai. 2024. *Jumlah populasi dan sampel penduduk Mukim Bagan Serai berdasarkan data pentadbiran Kampung/JKKK Tahun 2023.* Bagan Serai, Perak: Pejabat Penghulu Mukim Bagan Serai.

Rafiek, M. and M. Zaini. 2024. Leksikon alat penangkap ikan dan udang tradisional bahasa Banjar dialek Kuala yang terancam punah di Kabupaten Banjar. *Prosiding Seminar Nasional Lingkungan Lahan Basah* 9(2): 116–126.

Riduan Makhtar, Siti Aisah Zailani and Abd Ganing Laengkang. 2019. Pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 24–25 April.

Sa'adiah, M. 2014. Pemilihan bahasa: Proses peralihan bahasa masyarakat Che Wong. *Jurnal Melayu* 12(1): 32–43.

Saifullah and Susi, F.D. 2018. *Keberadaan etnik atau "urang" Banjar di Malaysia.* Padang: Hayfa Press.

Samina Sarwat, Haris Kabir, Numra Qayyum dan Muhammad Akram. 2021. Language shift and maintenance: A case ctudy of Pakistani-American family. *International Journal of English Linguistic* 11(1): 86 http://doi.org,10.5539/ijel.v11n1

Yusmawati, M.Y. 2021. Kata sapaan dan rujukan dalam kalangan masyarakat Banjar terpilih di Daerah Kerian, Perak. Master's diss., Universiti Sains Malaysia.